

17/11/1999

Taktik kotor parti lawan didedah

Ahmad Nazri Mohamad

SHAH ALAM, Selasa - Pengerusi Barisan Nasional (BN) Selangor, Datuk Seri Abu Hassan Omar mendedahkan taktik kotor penyokong parti pembangkang yang bertindak jahat menaikkan bendera parti dengan dipasang senjata tajam.

Perbuatan jahat itu dikesan dilakukan oleh pihak tertentu yang menaikkan bendera Pas yang dipasang pisau pada tiangnya bagi mengelakkan bendera itu diturunkan.

Abu Hassan yang juga Menteri Besar dan Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri, berkata tindakan tidak bertanggungjawab itu membahayakan kanak-kanak atau orang dewasa yang boleh terluka jika memegang tiang bendera parti pembangkang.

"Semua pihak perlu bersikap baik dan mematuhi peraturan yang ditetapkan. Mereka menaikkan bendera di sana-sini sedangkan kita (BN) ikut undang-undang.

"Jika mereka tidak dapat mematuhi undang-undang, macam mana hendak memerintah negara ini?" katanya kepada pemberita selepas melancarkan Gerak Gempur Pemuda BN di Dataran Shah Alam, di sini hari ini.

Abu Hassan juga mengecam tindakan parti pembangkang yang tidak mematuhi peraturan setempat apabila menaikkan poster, bendera dan papan tanda tanpa kelulusan pihak berkuasa tempatan.

Beliau berkata, semua parti politik yang bertanding sama ada komponen BN atau pembangkang sewajarnya mengendalikan kempen dan ceramah pilihan raya tanpa mencetuskan pergaduhan, kekacauan atau demonstrasi.

"Kita tidak mahu sesiapa pun menjadi terlalu beremosi atau mewujudkan senario tertentu untuk mensabotaj pilihan raya umum terakhir pada abad ini," katanya yang mendakwa pemimpin parti pembangkang juga sering bergaduh antara satu sama lain selain bercakaran dengan pemimpin parti pembangkang lain.

Abu Hassan berkata, pemimpin BN, Pemuda dan Wanita sudah dimaklumkan untuk menggerakkan jentera pilihan raya masing-masing tanpa mencabul kedaulatan undang-undang seperti yang mungkin dicetuskan pihak pembangkang.

"Semua 2,500 ahli Pemuda yang akan turun padang untuk berkempen di seluruh negeri dibekalkan dengan panduan apa yang boleh dilakukan atau sebaliknya.

"Kami akan bertolak ansur dan bersabar tetapi jangan cabar atau uji kesabaran kami," katanya.

Ditanya senarai calon Parlimen dan Dewan Undangan Negeri (DUN) yang dikemukakan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam, Abu Hassan berkata, senarai 65 calon, termasuk 48 DUN sudah diserahkan dan terpulang kepada Presiden BN itu untuk membuat keputusan.

"Kira-kira 20 hingga 30 peratus calon itu adalah muka baru dalam BN negeri bagi menggantikan beberapa orang, termasuk yang secara rela menyerahkan kedudukan berikutan masalah kesihatan," katanya.

(END)